

Toleransi dan Pengiktirafan Hak Asasi Manusia dalam Hukum Islam: Asas Keharmonian Masyarakat Kontemporari

BITARA

Volume 8, Issue 1, 2025: 242-251
© The Author(s) 2025
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>
Received: 15 January 2025
Accepted: 15 February 2025
Published: 7 March 2025

[Tolerance and Acknowledgement of Human Rights in Islamic Law: The Basis for Harmony In Contemporary Society]

Ariyanti Mustapha¹ & Monika@Munirah Abd Razak

¹ Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 50603 UM Kuala Lumpur, MALAYSIA.
E-mail: ariyanti@um.edu.my

² Jabatan Al-Quran dan Hadith, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 50603 UM Kuala Lumpur, MALAYSIA.
E-mail: munirah@um.edu.my

*Corresponding Author: ariyanti@um.edu.my

Abstrak

Pluralisasi dalam sesebuah masyarakat merupakan aspek penting untuk membangunkan sebuah negara yang berteraskan hukum Islam. Pendekatan hukum Islam yang bertunjangkan *Rahmatan lil'Alamin* telah menetapkan sikap toleransi dan pengiktirafan terhadap hak asasi manusia sebagai asas penting dalam menjamin keharmonian dan keamanan sesebuah negara. Ketetapan dan keadilan hukum Islam dalam menjaga hak asasi manusia telah menjadi faktor wujudnya pelbagai kajian daripada sarjana Barat untuk menilai pendekatan Islam yang berteraskan al-Quran, Sunnah serta Maqasid al-Syariah sebagai kerangka utama dalam menjamin keharmonian pluralisasi masyarakat. Kegagalan mengamalkan sikap toleransi dalam menghadapi perbezaan adat, budaya dan cara hidup menjadi punca tercetusnya ketidakstabilan politik dalam sesebuah negara. Penindasan dan sikap diskriminasi terhadap pelbagai kaum tanpa mengambil kira aspek hak asasi setiap masyarakat boleh membawa kepada runtuhnya keamanan dan keharmonian. Artikel ini menggunakan kaedah kualitatif dengan penganalisisan data secara deduktif. Hasil kajian ini merumuskan bahawa aspek toleransi dan keadilan terhadap hak asasi manusia merupakan pemangkin kepada kesejahteraan dan keharmonian masyarakat yang telah terbukti keberkesannya oleh nabi Muhammad dan para sahabat.

Kata kunci: Toleransi, Hak asasi manusia, Pluralisasi, Hukum Islam, Maqasid al-Syariah

Abstract

Pluralism in a society is an important aspect of developing a country based on Islamic law. The approach of Islamic law, based on *Rahmatan lil'Alamin*, emphasizes the practice of tolerance and the recognition of human rights as a crucial foundation for guaranteeing the harmony and security of a country. The determination and justice of Islamic law in safeguarding human rights have led to various studies by Western scholars to evaluate the Islamic approach based on the Qur'an, Sunnah, and Maqasid al-Shariah as the main framework for ensuring the harmony of a pluralistic society. Failure to adopt an attitude of tolerance in the face of differences in custom, culture, and way of life is a cause of political instability in a country. Oppression and discrimination against various races, without considering the unique aspects of each society, can lead to the collapse of peace and harmony. This article uses a qualitative method with deductive data analysis. The results of this study conclude that

tolerance and justice towards human rights are catalysts for the well-being and harmony of society, as proven effective by the Prophet Muhammad and his companions.

Keywords: Tolerance, Human Rights, Pluralization, Islamic Law, Maqasid al-Shariah



This is an open-access article under the CC-BY 4.0 license

Cite This Article:

Ariyanti Mustapha & Monika@Munirah Abd Razak. (2025). Toleransi dan Pengiktirafan Hak Asasi Manusia dalam Hukum Islam: Asas Keharmonian Masyarakat Kontemporari [Tolerance and Acknowledgement of Human Rights in Islamic Law: The Basis for Harmony In Contemporary Society]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 8(1): 242-251.

Pengenalan

Keharmonian dalam masyarakat merupakan tunggak kepada kemakmuran dan kecemerlangan yang boleh dicapai oleh sesebuah negara yang meliputi aspek ekonomi, politik dan pluralisasi dalam masyarakat. Sikap toleransi yang wujud dalam sesebuah ekosistem kehidupan manusia merupakan antara faktor terpenting yang membawa kepada wujudnya kestabilan politik dan sosial masyarakat. Kepelbagaian bangsa yang wujud dalam sesebuah komuniti kehidupan manusia perlu diiktiraf dan diraikan hak asasi mereka tanpa wujudnya sebarang isu diskriminasi yang boleh membawa kepada kemudaratan dan perpecahan dalam sesebuah masyarakat. Aspek toleransi dan pengiktirafan hak asasi manusia telah menjadi isu penting yang banyak dibincangkan dalam kalangan negara-negara besar seperti perbincangan Suamuka (Interface) Wakil-wakil Negara ASEAN Mengenai Hak Asasi Manusia (AICHR) pada 11-14 Julai 2023 yang dipetik daripada sumber Kementerian Luar Negeri bagi membincangkan kepentingan kerjasama dan perpaduan erat antara negara-negara ASEAN serta hak asasi masyarakat yang perlu diberi perhatian secara global. Begitu juga dengan isu hak asasi rakyat Palestin yang terus ditindas oleh Israel telah memberi impak besar kepada ekonomi global dan telah mendapat perhatian seluruh dunia untuk mengembalikan keamanan dan keadilan terhadap hak asasi rakyat Palestin yang telah ditindas oleh Israel dan kuasa besar Barat.

Syariat Islam telah menyatakan kepentingan menjaga keamanan, keadilan terhadap hak asasi setiap bangsa dan agama tanpa wujudnya diskriminasi bagi membolehkan keamanan dan keharmonian terpelihara. Situasi tersebut telah dipraktikkan oleh nabi Muhammad dalam memberi keadilan dan penghormatan kepada hak rakyat bukan Islam di Madinah sebagai asas keterjaminan keharmonian dalam negara Islam. Hasilnya maka terbentuklah Piagam Madinah yang menjadi asas rujukan dan peraturan terhadap hak asasi rakyat bukan Islam yang telah dijamin keselamatan dan perlindungan oleh kerajaan Islam.

Pembentukan Piagam Madinah telah menjadi panduan khusus kepada setiap pemimpin negara Islam untuk meneruskan tanggungjawab dalam menjaga hubungan yang baik di antara setiap individu dan masyarakat tanpa mengira agama, bangsa dan keturunan demi mewujudkan keharmonian dalam kalangan masyarakat. Al-Quran telah menyatakan tujuan

diciptakan manusia dengan pelbagai kaum dan agama, sebagaimana firman Allah dalam al-Quran:

يَتَأْتِيهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ
لِتَعَارَفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتَقْوَمُ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ ﴿١٣﴾

Maksudnya: “Wahai umat manusia! Sesungguhnya kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam Pengetahuannya.” (Surah al-Hujurat:13)

Ayat tersebut menjelaskan faktor utama penciptaan manusia yang terdiri daripada pelbagai kaum dan agama untuk membolehkan setiap manusia mengenali antara satu sama lain dan menjalankan tanggungjawab sebagai Khalifah Allah. Berasaskan tujuan tersebut, dapat difahami bahawa asas kepada kemakmuran dan keharmonian dalam sesebuah masyarakat adalah dengan mengamalkan sikap saling mengenali, bertoleransi dan menjauhi daripada sikap diskriminasi kerana asas kepada kehidupan yang baik adalah dengan mengukuhkan konsep *Habl min Nas* yang merupakan kewajipan bagi setiap umat Islam. Pandangan skeptikal Barat terhadap masyarakat Islam yang digelar sebagai pengganas atau Terrorist telah memberi impak negatif kepada masyarakat Islam di negara Barat yang sering ditindas dan dinafikan hak asasi mereka dengan diberi pelbagai gelaran seperti golongan yang naif, pengganas dan ortodoks. Justeru, menjadi tanggungjawab bagi setiap masyarakat untuk mewujudkan kehidupan yang lebih harmoni dan menjauhi daripada sikap perpecahan dan perbalahan yang akan memberi impak negatif kepada kehidupan secara global.

Perkataan Islam adalah bertunjangkan daripada terma *Salama* yang bermaksud keamanan, keselamatan dan penyerahan kepada Pencipta. Pemahaman secara umum terhadap perkataan Islam adalah merupakan sebuah agama yang berobjektifkan keamanan dan ketenteraman dalam kalangan masyarakat khususnya, dan dunia secara umumnya. Justeru itu dapat difahami secara jelas bahawa mendiami sesebuah negara dengan pelbagai kaum dan agama perlu bertunjangkan keamanan dan keharmonian yang merupakan fitrah utama manusia untuk mencapai objektif kehidupan yang lebih aman atau *peaceful co-existence*. Oleh itu, bagi memahami konsep keamanan dalam sesebuah negara dengan lebih terperinci maka kajian ini akan berasaskan objektif berikut:

1. Menyatakan kepentingan sikap toleransi dalam hukum Islam dan praktiknya oleh nabi Muhammad dalam kalangan masyarakat.
2. Menghuraikan kepentingan hak asasi manusia dalam perspektif hukum Islam dan kepentingannya dalam mencapai keamanan dan keharmonian dalam sesebuah Negara.

3. Menjelaskan kepentingan toleransi dan pengiktirafan hak asasi manusia dalam kalangan masyarakat kontemporari dengan berasaskan prinsip hukum Islam.

Hasil Kajian dan Perbincangan

Toleransi Berasaskan Hukum Islam

Toleransi merupakan asas kepada etika individu dalam berhubung dengan masyarakat di sekeliling yang terdiri daripada pelbagai kaum, agama dan bangsa tanpa wujudnya campur tangan daripada pihak lain yang boleh membawa kepada ketidakharmonian dalam negara. Perkataan toleransi di dalam bahasa Arab disebut sebagai *Tasamuh* bermaksud pemurah dan saling menghormati di antara dua pihak. Menurut Barbara (1996) konsep toleransi yang meletakkan sikap menghormati, menerima dan menghargai perbezaan yang wujud dalam setiap masyarakat merupakan prinsip utama keharmonian dalam sesebuah negara yang bersifat pluralism. Bahkan perbezaan yang wujud dari aspek bangsa, agama dan budaya merupakan punca utama yang membawa kepada konflik yang berlaku dalam kalangan masyarakat global (Chaumont, 1988).

Konsep toleransi dalam Islam telah meletakkan prinsip asas seperti hak persamaan antara manusia, kehormatan diri, kebebasan bersuara dan kebebasan dalam beragama yang menjadi panduan untuk mewujudkan sikap saling menghormati yang merupakan antara prinsip yang telah diamalkan oleh nabi Muhammad dan para sahabat dalam mewujudkan keamanan masyarakat Arab (Mutaqin, 2023). Di Malaysia umpamanya, ciri-ciri kemajmukan masyarakatnya yang terdiri daripada pelbagai etnik, ras dan agama telah membentuk satu entiti sosial yang unik yang memerlukan kepada sikap toleransi dalam meminimumkan konflik dan jurang perbezaan yang wujud. Sikap toleransi yang diamalkan dalam kalangan rakyat Malaysia berbilang kaum membolehkan masyarakat yang berlainan budaya, kaum dan agama dapat hidup dengan harmoni dan sejahtera (Enizahura, 2020).

Hukum Islam telah meletakkan garis panduan yang jelas berkaitan kewajipan menghormati manusia yang tergolong dalam objektif *maqasid al-syariah* iaitu kepentingan menjaga kedaulatan agama Islam daripada diperangi oleh golongan bukan Islam dan menghormati golongan bukan Islam (*hifz din*). Kepentingan dalam mengamalkan sikap saling menghormati atau toleransi merupakan jaminan Islam untuk menjaga keselamatan setiap individu (*hifz nafs*) daripada dikhianati, dan untuk mengangkat tinggi martabat seseorang individu daripada dicerobohi. Hukum Islam juga telah meletakkan kepentingan menjaga rasional atau intelek (*hifz aql*) dengan menggalakkan penggunaan perkataan dan pemikiran yang baik terhadap diri dan individu lain serta tidak mengamalkan perbuatan buli, kebencian melampau dan perkataan kejian. Minda masyarakat perlu disuburkan dengan ilmu dan nilai pekerti yang baik. Sikap toleransi yang dianjurkan dalam Islam adalah sebagai jaminan keharmonian dan kesejahteraan yang akan dicapai oleh sesebuah negara yang bersifat pluralistik. Sikap toleransi dalam keagamaan yang dianjurkan dalam Islam adalah dengan membenarkan golongan bukan Islam mengamalkan ritual keagamaan, budaya dan kepercayaan mereka walaupun perbuatan tersebut secara umumnya bertentangan dalam agama Islam.

Dengan berasaskan sikap toleransi, Islam tidak menghalang perbuatan tersebut dilakukan selagi ia tidak memberi kemudaratan terhadap masyarakat Islam, negara dan agama (Ammar Fadzil, 2011).

Namun begitu, Islam telah memberi panduan kepada umat Islam untuk mengamalkan sikap berwaspada terhadap taktik golongan musuh Islam yang mungkin timbul akibat sikap toleransi yang diamalkan oleh umat Islam. Justeru dalam al-Quran surah al-Mumtahanah ayat 8 sehingga 9, Allah telah menegaskan bahawa Islam tidak melarang umatnya untuk berbuat baik dan berlaku adil kepada golongan yang tidak bermusuhan dengan umat Islam. Allah telah memperincikan lagi dalam konteks yang sama dengan tegahan daripadaNya kepada umat Islam untuk tidak berbuat baik kepada golongan yang memusuhi atau mengusir umat Islam dari negara mereka sendiri. Situasi ini juga telah ditunjukkan oleh Rasulullah apabila baginda bertindak mengusir kaum Yahudi Bani Nadir dari bumi Madinah dengan memberi masa selama sepuluh hari kepada mereka untuk meninggalkan bumi Madinah akibat mengkhianati perjanjian damai, iaitu kontrak sosial antara mereka dengan Rasulullah. Tindakan tegas yang dilakukan oleh Rasulullah adalah demi menjamin kemaslahatan dan kepentingan masyarakat dan kesejahteraan negara (Ismail Ibrahim, 2000).

Justeru itu, sikap toleransi dalam Islam adalah merupakan dimensi Islam dalam memberikan ruang dan kesempatan kepada individu dan masyarakat berbilang kaum untuk menikmati hak masing-masing. Pada masa sama Islam juga telah menunjukkan sikap ketegasan dan tindakan yang perlu diambil sekiranya had atau sempadan toleransi telah dikhianati oleh sesetengah pihak.

Hak Asasi Manusia Berdasarkan Hukum Islam

Pengiktirafan terhadap hak asasi setiap makhluk yang diciptakan oleh Allah khususnya manusia sebagai khalifah di bumi ini telah dinyatakan dengan terperinci oleh Allah di dalam al-Quran dan Hadith nabi Muhammad. Pengiktirafan hak asasi setiap manusia dalam Islam adalah bertepatan dengan prinsip utama Maqasid al-Syariah dalam menjaga kepentingan hak individu (Hifz Nafs) daripada dicabuli dan dikhianati. Sebarang perbuatan yang membawa kepada kemudaratan (Mafsadah) dan melanggar kepentingan hak asasi hidup manusia sangat ditentang oleh hukum Islam. Sejarah Islam telah membuktikan kedatangan nabi Muhammad telah berjaya membasmi sikap 'asabiyyah perkauman, diskriminasi terhadap kaum wanita, diskriminasi golongan kaya terhadap golongan miskin dan baginda juga telah memperkenalkan sistem keadilan berasaskan hukum Islam (Rahman, 2018).

Konsep hak asasi manusia dalam Islam telah meletakkan hak setiap individu dan masyarakat dengan sangat sempurna sebagai jaminan keadilan dan keharmonian manusia di bawah hukum Islam. Situasi ini berbeza dengan konsep hak asasi manusia dari perspektif Barat yang telah meletakkan akal manusia semata-mata sebagai rujukan. Malah istilah Hak Asasi telah digunakan buat pertama kalinya dalam bahasa Perancis, *droits de l'homme* yang bererti hak-hak manusia yang merujuk kepada hak-hak manusia berwarganegara Perancis yang diperkenalkan semasa Revolusi Perancis pada tahun 1789. Ia telah diterjemahkan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) ke dalam bahasa Inggeris iaitu *Fundamental Human Rights* yang kemudiannya disingkat menjadi *human rights*. Konsep hak asasi manusia dari

perspektif barat yang merupakan cetusan idea tokoh Komunisme, Karl Marx berpaksikan fahaman humanism yang telah menafikan kebergantungan manusia kepada unsur agama dalam menilai kepentingan hak-hak manusia (Stackhouse, 1984).

Fuqaha Islam telah mengklasifikasikan hak asasi manusia kepada dua kategori utama iaitu, hak kepada Allah dan hak kepada manusia. Hak asasi manusia dalam hukum Islam merangkumi hak individu seperti kebebasan memiliki harta, hak terhadap ibu bapa, jiran dan keluarga, kebebasan bersuara, kebebasan bergerak, kebebasan beragama dan sebagainya. Islam melarang pencabulan terhadap hak-hak tersebut selagi perbuatan tersebut tidak melanggar syariat dan perundangan serta tidak menggugat keharmonian dalam sesebuah negara. Manakala hak asasi bagi kelompok masyarakat dalam hukum Islam adalah seperti hak berpolitik, keadilan kepada semua masyarakat tanpa mengira kaum dan agama, jaminan keselamatan, kebebasan beragama dan sebagainya (Malik, 1981). Artikel ini akan menghuraikan hak asasi manusia dari aspek kebebasan bersuara dan beragama yang menjadi pemangkin kepada asas keharmonian sesebuah negara.

Kebebasan Bersuara (*Hurriyat al-Ra'y*)

Prinsip asas dalam hukum Islam telah meletakkan ciri kemanusiaan (*Insaniyyah*) sebagai asas penting dalam mencapai *Maqasid al-Syariah* iaitu memastikan hak-hak asasi setiap manusia terjamin dan terpelihara dengan berasaskan hukum Islam. Kebebasan bersuara atau memberi pandangan merupakan metode utama untuk menyuarakan pandangan yang merupakan fitrah dalam setiap manusia untuk berkomunikasi dan menggunakan intelek dalam memberi maklum balas terhadap sesuatu perkara. Akan tetapi kebebasan mutlak dalam memberi pandangan tanpa limitasi daripada perundangan boleh membawa kepada pergolakan dalam sesebuah masyarakat (Yusuf Qardawi, 2004). Hukum Islam telah meletakkan syarat yang sangat jelas dalam konteks kebebasan bersuara bagi menjaga kemaslahatan setiap individu terjamin. *Ra'y* dalam Islam terbahagi kepada tiga kategori utama iaitu pandangan bersifat baik, buruk dan syak wasangka (Kamali, 1995). Allah telah menyatakan berkenaan dengan larangan melakukan perbuatan-perbuatan berikut yang dikategorikan dalam kebebasan bersuara. Firman Allah dalam Surah An-Nisa':148 dan Surah al-Hujurat: 12 yang bermaksud:

“Allah tidak suka kepada perkataan-perkataan buruk yang dikatakan dengan berterus terang (untuk mendedahkan kejahatan orang); kecuali oleh orang yang dianiayai. Dan (ingatlah) Allah sentiasa mendengar lagi Maha mengetahui.” (Surah An-Nisa':148)

“...janganlah kamu mengintip atau mencari-cari kesalahan dan keaiban orang; dan janganlah setengah kamu mengumpat setengahnya yang lain. Adakah seseorang dari kamu suka memakan daging saudaranya yang telah mati? (Jika demikian keadaan mengumpat) maka sudah tentu kamu jijik kepadanya...” (Surah al-Hujurat: 12)

Berdasarkan pemahaman daripada ayat al-Quran di atas, maka dapat dirumuskan bahawa kebebasan bersuara dalam Islam adalah terpakai untuk semua golongan masyarakat dengan berpandukan kepada garis panduan yang telah dijelaskan oleh Allah. Islam telah menetapkan limitasi dalam memberi pandangan seperti tidak mengeluarkan perkataan yang berbau kejian, provokasi, menghina dan mengeluarkan perkataan yang bersifat perkauman sebagai langkah preventi ke arah kemudatan yang bakal berlaku sekaligus menggugat keharmonian dalam kalangan masyarakat. Menurut Ismail dan Mujani (2002), Penggunaan media sosial secara berleluasa pada masa kini dengan aplikasi Whatsapp, Facebook, Instagram dan Tik Tok telah menjadi medan terbuka untuk semua lapisan masyarakat menghantar pandangan atau komentar berupa positif atau negatif secara terbuka tanpa mengambil kira sensitiviti terhadap individu tertentu dan kesannya dari sudut hukum Islam. Menurut Zahran (2022), penduduk Malaysia yang telah mendaftar akaun Tik Tok dan pelbagai rangkaian media yang lain seperti Facebook, Twitter dan Instagram adalah berjumlah 14.59 juta orang. Angka tersebut menunjukkan rantaian hubungan dan komunikasi antara manusia di Malaysia dan secara global semakin meluas. Justeru itu tahap kesedaran dalam kalangan pengguna sosial media beragama Islam terhadap etika dalam memberi pandangan khususnya dari perspektif hukum Islam perlu dipertingkatkan.

Penggunaan istilah kebebasan bersuara dalam kalangan masyarakat pada hari ini dalam membuat hantaran di sosial media yang berbau fitnah, provokasi dan membuka keaiban seseorang individu telah menjadi satu fenomena yang membimbangkan. Perkara ini bukan sahaja berlaku dalam kalangan bukan Islam, bahkan ia menjadi parah apabila ramai dalam kalangan umat Islam menjadikan media sosial sebagai medium untuk mengumpat, dan mengaibkan individu secara terbuka. Justeru itu bagi menjaga keharmonian dan kemaslahatan seluruh masyarakat di Malaysia, kerajaan telah menguatkuasakan Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 dengan sabitan hukuman penjara dan denda atau kedua-duanya sekali di atas sabitan terhadap membangkitkan pecah keamanan, dan Seksyen 504 Kanun Keseksaan bagi kesalahan mengaib dan memfitnah. Aspek perundangan dalam konteks undang-undang sivil dan syariah diaplikasikan di Malaysia bagi membasmi penyalahgunaan hak bersuara yang semakin menjurus kepada provokasi terhadap Raja berperlembagaan, fitnah dan membangkitkan isu perkauman. Situasi ini secara tidak langsung telah menyimpang daripada Maqasid al-Syariah yang memperuntukkan kepentingan menjaga kemaslahatan manusia dengan berasaskan pendekatan 'amar ma'ruf nahi munkar' (seruan melakukan kebaikan dan menjauhi perkara yang membawa kerosakan) dan tabayyun (selidik) sebelum menyuarakan sesuatu perkara (Hashim Kamali, 1999).

Justeru itu, kebebasan bersuara dalam hukum Islam adalah dengan berlandaskan peraturan yang telah digariskan dengan jelas oleh Allah serta perlu menjaga kemaslahatan hak-hak individu tertentu untuk mengelakkan daripada berlaku pengkhianatan dari aspek maruah dan diskriminasi perkauman dilakukan secara terbuka. Keharmonian di antara masyarakat dalam sesebuah negara adalah bertunjangkan aspek toleransi dan hikmah (wisdom) dalam menyuarakan sesuatu pandangan. Penerapan dan pemahaman terhadap aspek tersebut berserta tabayyun dalam memberi sesuatu pandangan perlu dipertingkatkan dalam kalangan masyarakat bagi mencapai kemakmuran dan keharmonian negara khususnya dalam era penggunaan media sosial yang semakin meluas.

Kebebasan Beragama (*Hurriyat al-Diniyyah*)

Dasar dan hak kebebasan beragama dalam Islam adalah sangat jelas tetapi tidak bersifat mutlak. Kebebasan beragama dalam Islam merupakan satu penghormatan kepada golongan bukan Islam untuk mempunyai kebebasan memilih dan mengamalkan ajaran agama masing-masing dengan syarat ia tidak membawa ancaman kepada Islam. Menurut Kamali (1995), perspektif kebebasan beragama dalam hukum Islam adalah dengan memberi jaminan kepada golongan bukan Islam untuk melaksanakan amalan keagamaan masing-masing tanpa perasaan takut atau dikhianati oleh masyarakat sekeliling. Allah telah menyatakan dengan jelas tentang kebebasan beragama di dalam al-Quran dan memberi kelonggaran kepada golongan bukan Islam melakukan amalan keagamaan berdasarkan kepercayaan mereka. Firman Allah dalam al-Quran yang bermaksud:

“Tidak ada paksaan dalam agama (Islam), kerana sesungguhnya telah nyata kebenaran (Islam) dari kesesatan (kufur). Oleh itu sesiapa yang tidak percayakan Taghut, dan ia pula beriman kepada Allah maka sesungguhnya ia telah berpegang kepada simpulan (tali agama) yang teguh yang tidak akan putus.”
(Surah al-Baqarah: 256)

Islam secara khususnya menghormati hak beragama kepada masyarakat bukan Islam dan pengamalan ritual yang berasaskan keagamaan selagi ia tidak mengganggu keharmonian dan keamanan masyarakat sekeliling. Menurut Ahmad F. Yousif (1999), kebebasan beragama dalam pemahaman liberal Barat adalah dengan mengasingkan agama daripada urusan gereja atau urusan negara. Penggunaan intelek dan rasional lebih ditekankan daripada pandangan keagamaan yang disifatkan tidak relevan dengan kehidupan semasa serta perlu diasingkan daripada kehidupan manusia. Agama dalam konteks Barat dianggap sebagai entiti asing yang tidak perlu diintegrasikan dalam aspek pendidikan, kenegaraan dan perundangan. Menurut Al-Attas (1993), dalam konteks Barat agama adalah hak individu yang berdiri dengan disiplinnya yang tersendiri dan setiap orang dianggap layak dan bebas untuk mentafsir agama.

Islam secara khususnya memberi penekanan kepada hak asasi setiap manusia untuk mengamalkan prinsip dan ritual keagamaan secara aman. Dalam konteks kebebasan keagamaan di Malaysia, kehidupan pluralisme rakyat Malaysia secara harmoni dengan kepelbagaian budaya, agama dan kepercayaan adalah dengan bertunjangan prinsip meletakkan Islam sebagai agama rasmi di samping peraturan-peraturan yang telah digazetkan dalam Artikel (III) Perlembagaan Persekutuan Malaysia, 1957 yang memperuntukkan hak kebebasan beragama dan memperakui hak setiap individu untuk mengamalkan amalan keagamaan masing-masing. Bagi menjamin kesejahteraan Islam sebagai agama rasmi, Perenggan (4) dalam Perlembagaan Persekutuan telah menyatakan sebarang provokasi dan penghinaan terhadap Islam adalah termaktub dalam bidang kuasa perundangan negeri dan Wilayah Persekutuan (Kamali, 1995).

Kebebasan beragama dalam hukum Islam membuktikan bahawa Islam merupakan agama yang berpaksikan kepentingan menjaga Masalah ‘Ammah setiap masyarakat untuk memastikan kesejahteraan dan keamanan hidup manusia terpelihara. Situasi ini bertepatan dengan Prinsip asas Maqasid al-Syariah yang meletakkan penekanan dalam memelihara

agama (Hifz din), kesejahteraan individu dan keturunan (hifz nafs dan Hifz nasl) dan perlindungan terhadap harta yang dimiliki (hifz mal). Penjagaan terhadap aspek dharuriyyat dalam Islam hanya akan tercapai dengan wujudnya sikap toleransi dalam segala aspek kehidupan yang menatijahkan keamanan dan keharmonian dalam kehidupan setiap individu yang merangkumi kepelbagaian agama, bangsa dan budaya. Justeru, dengan wujudnya pengiktirafan terhadap hak individu untuk bersuara dan beragama ia secara tidak langsung mewujudkan persekitaran yang sihat dan harmoni yang bertepatan dengan prinsip Maqasid al-Syariah dalam menjaga kesihatan minda dan intelek (Hifz aql) daripada dicerobohi dengan nilai-nilai negatif dan narsastik.

Kesimpulan

Dinamisme hukum Islam dalam menjaga hak asasi manusia meliputi pelbagai aspek kehidupan manusia yang merangkumi kepelbagaian etnik, ras, agama dan budaya. Sifat hukum Islam yang komprehensif dalam menjamin hak asasi manusia bukan sahaja terpakai sejak daripada zaman Rasulullah bahkan ia telah berkembang seiring dengan perkembangan zaman kontemporari. Pelaksanaan dan pengiktirafan hak asasi manusia yang telah dinyatakan di dalam al-Quran dan Sunnah merupakan aspek penting dalam menjamin keharmonian dan kesejahteraan manusia yang sejajar dengan prinsip asas Maqasid al-Syariah. Justeru, keharmonian dalam sesebuah negara boleh dicapai dengan wujudnya sikap toleransi dalam hubungan dengan pelbagai kaum, agama dan budaya. Islam juga telah menggariskan batasan dalam toleransi untuk menjaga hak asasi umat Islam sama ada secara individu atau kumpulan daripada ditindas dan dizalimi oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Ketegasan dalam bertoleransi adalah penting untuk menjamin penghormatan daripada pihak musuh terhadap umat Islam.

Manakala pelaksanaan hak asasi manusia atau human rights dalam hukum Islam menunjukkan keprihatinan Islam dalam meletakkan garis panduan khusus terhadap setiap makhluk untuk diraikan hak asasi mereka yang merangkumi kebebasan bersuara, kebebasan beragama, memiliki harta dan kebebasan bergerak. Pelaksanaan prinsip istihsan dan sadd al-Dzara'i dalam hukum Islam menunjukkan para intelektual Islam telah menggariskan panduan khusus dengan mengiktiraf kebebasan manusia yang memberi impak yang baik (istihsan) untuk diamalkan, serta meletakkan had terhadap sesuatu perbuatan yang boleh membawa kemudaratan kepada manusia (Sadd al- Dzara'i).

Rujukan

- Ahmad F. Yousif. 1999. "Religious Freedom, Minorities, and Islam: A Challenge to Modern Theory of Pluralism". *TAFHIM: IKIM Journal of Islam and the Contemporary World* 7(1), 62-66.
- Ahmad Munawar Ismail, Wan Kamal Mujani, "Had Kebebasan Bersuara dalam Hak Kebebasan Beragama di Malaysia", *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah* 7(2), 1-13.
- Al Attas, Syed Naquib. 1993. *Islam and Secularism*. Kuala Lumpur: ISTAC
- Ammar Fadzil, Religious Tolerance in Islam: Theories, Practices and Malaysia's Experiences as a Multi Racial Society, *Journal of Islam in Asia* 1(3), 33-44.

- Herman, Barbare . 1996. Pluralism and the Community of Moral Judgement in ‘*Toleration An Elusive Virtue*’ ed. David Heyd, New Jersey: Princeton University Press.
- Enizahura Abdul Aziz, (2020) “Toleransi Berprinsip Menurut Kerangka Maqasid Shari’ah Dalam Interaksi Masyarakat Pelbagai Kaum dan Agama di Malaysia”, *Jurnal Dunia Pengurusan* 2(4), 19-26.
- Ismail Ibrahim, “Toleransi Ada Batas-Batasnya”, *Utusan Malaysia*, 21 Desember 2000. <https://www.ikim.gov.my/index.php/2000/12/2>
- Majid Khadduri, Human Rights in Islam, *The Annals of the American Academy of Political and Social Science* , Jan., 1946, Vol. 243, Essential Human Rights (Jan., 1946), pp. 77-81, Sage Publications, Inc. in association with the American Academy of Political and Social Science, <https://www.jstor.org/stable/1025058>
- Maqbul Ilahi Malik, “The Concept of Human Rights in Islamic Jurisprudence”, *Symposium: South Asian Perspectives on Human Rights* (3), no. 3, (1981: The John Hopkins University Press), <https://www.jstor.org/stable/761895>.
- Max L. Stackhouse, “Theology, History, And Human Rights”, *An Interdisciplinary Journal* 67, no. 2, (Summer 1984), pp. 191-208, <https://www.jstor.org/stable/41178297>.
- Mohammad Afzanizam Zahran, Mohd Azmir Mohd Nizah, “Pengaruh Tik Tok Terhadap Toleransi Politik dalam Kalangan Orang Muda di Malaysia”, dalam *Seminar Antarabangsa Falsafah, Tamadun, Etika dan Turath Islam*, USIM, Oktober 2022.
- Mohd Hashim Kamali. (1999). *The Principles of Islamic Jurisprudence*. United Kingdom: Islamic Texts Society.
- Mutaqin, Z., & Jamarudin, A. (2023). Religious Tasamuh Processing Applications In the Persfektive Of the Qur’an: Introduction, Methods, Tasamuh in Islam, Tasamuh in Aqidah Islamiyah, I'tiqad, Syari'ah, Vision The concept of the Qur’an builds tasamuh for humans. al-Afkar, *Journal For Islamic Studies*, 6(4), 563-576.
- Rahman, M. M. (2018). Education, teaching methods and techniques in the early years of Islam during the era of prophet Muhammad (SAW). *IJRDO-Journal of Business Management*, 4(2), 1-22.
- Robert Jules Chaumont, 1988. ‘How Tolerant Can A Unificationist Be’, in *Religious Traditions and the limits of tolerance*, USA: Anima Publication, , pp. 43-44.
- al-Qardawi, Yusuf . (2000). *An Introduction to Islam*. Kuala Lumpur: Islamic Book Trust.